



**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PROSIDUR PENYEDIAAN DOKUMEN MEJA TENDER
DAN PENGURUSAN DOKUMEN KONTRAK**

**NOOR AZIZAN BINTI AB AZIZ
(2001489170)**

**LAPORAN LATIHAN AMALI
JUN 2003-OKTOBER 2003**

JABATAN UKUR BANGUNAN,
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PROSIDUR PENYEDIAAN DOKUMEN MEJA TENDER DAN
PENGURUSAN DOKUMEN KONTRAK**

JUN 2003 – OKTOBER 2003

Laporan latihan amali ini merupakan syarat memenuhi kursus latihan amali.

DISEDIAKAN OLEH : NOOR AZIZAN BINTI AB AZIZ

PENSYARAH PENYELIA : EN. ELLEMAY ISKANDAR BIN KHALID

PENGHARGAAN

Laporan latihan amali yang bertajuk **Prosidur Penyediaan Dokumen Meja Tender dan Pengurusan Kontrak** ini telah disediakan dengan melibatkan bantuan daripada pelbagai pihak. Sesungguhnya tanpa bantuan pihak-pihak tersebut, maka tidaklah laporan latihan amali ini dapat disiapkan.

Sesungguhnya jutaan terima kasih diucapkan kepada semua kakitangan PASDEC Corporation Sdn. Bhd. yang banyak membantu dari segala segi. Terima kasih ditujukan kepada Ir. Lee Thai (Pengurus Divisyen Perkhidmatan Teknikal), En. Shahrulkalam bin Yunos (Ketua Unit QAQC/R&D), Tn. Hj. Hairuddin bin Mohamad (Ketua Unit Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak) serta pemangkunya kini didalam membantu proses pembelajaran latihan amali di syarikat tersebut khususnya dalam menyediakan laporan latihan amali. Malah terima kasih juga kepada kakitangan bagi kedua-dua unit tersebut.

Jutaan terima kasih juga kepada individu penting dalam membantu pelatih menjalani latihan amali dan menyediakan laporan latihan amali iaitu En. Ellemy Iskandar bin Khalid. Sesungguhnya dengan bantuan beliau telah melengkapkan laporan latihan amali ini dengan sempurna.

Akhir sekali buat ibu dan bapa serta rakan-rakan sekuliah, ditujukan ucapan terima kasih jua. Sekian, terima kasih.

ABSTRAKS

Prosidur Penyediaan Dokumen Meja Tender dan Pengurusan

Dokumen Kontrak adalah suatu tatacara untuk mengetahui perjalanan suatu prosidur Tender dan juga Dokumen Kontrak. Walaupun begitu, prosidur ini hanyalah satu contoh tatacara penyediaan daripada sebuah syarikat pengurus projek tempatan berbanding beratus-ratus syarikat pengurus projek lain di dalam negara.

Tujuan prosidur ini dijadikan tajuk projek adalah untuk memahami dengan lebih teliti tentang pengurusan tender. Meskipun telah dipelajari didalam kuliah yang lalu mengenai tender dan dokumen kontrak, namun ia kelihatan masih samar-samar dalam bentuk teori. Justeru melalui laporan latihan amali ini,

Prosidur Penyediaan Dokumen Meja Tender dan Pengurusan Kontrak adalah diharapkan supaya menjelaskan lagi mengenai Tender dan Dokumen Kontrak.

Antara isi kandungan laporan latihan amali ini ialah Penyediaan Dokumen Meja Tender, Pemanggilan Tender (Terbuka/Tertutup), Pemilihan Kontraktor dan Penyediaan Dokumen Kontrak. Adalah diharapkan agar laporan latihan amali ini menepati skop pembelajaran dan kursus bagi pelajar Diploma Ukur Bangunan, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur.

PRAKATA

Laporan Latihan Amali bertajuk **Prosidur Penyediaan Dokumen Meja Tender dan Pengurusan Dokumen Kontrak** sesi Jun 2003 – Oktober 2003 ini merupakan salah satu proses pembelajaran pelatih ketika menjalani latihan amali bagi Semester 05 kursus Diploma Ukur Bangunan.

Melalui latihan amali ini, telah mendekatkan diri pelatih kepada senario sebenarnya industri pembinaan disamping mempelajari pelbagai perkara lain yang berkaitan dengan tapak bina dan sektor pembinaan. Pembelajaran seperti ini mungkin sukar digambarkan didalam proses pembelajaran biasa di dalam kuliah.

Selain daripada itu, latihan amali ini telah membantu pelatih memahami perkaitan prospek kerja kepada industri pembinaan disamping mengetahui peranan sebenar yang dimainkan oleh ‘Building Surveyor’ di dalam industri pembinaan yang pesat berlangsung ini.

Akhir kata, dengan menjalani Latihan Amali ini, ia banyak membantu pelatih dalam memperoleh ilmu dari pelbagai segi disamping bergaul dengan pelbagai warga sektor pembinaan malah dapat mempraktik teori yang telah dipelajari semasa kuliah yang lalu. Oleh yang demikian, latihan amali ini disarankan supaya berlanjutan pada tahun-tahun akan datang bagi kursus Diploma Ukur Bangunan.